



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْاَهْوَالِ الْاِسلامِيَّةِ نِجَري سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

28 SAFAR 1447H/ 22 OGOS 2025M

ILMU TASAWWUF DAN KEPENTINGANNYA DALAM PEMBANGUNAN ROHANI INSAN

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Pejabat Mufti Negeri Sabah & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ رَزَقَهَا ۝ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا ۝ (الشمس: 9-10)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ ۝

SAUDARAKU JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Saya berpesan pada diri khatib sendiri, seterusnya memperingatkan jemaah Jumaat sekalian, agar marilah kita meningkatkan nilai ketakwaan kita. Nilai ketakwaan yang dijana melalui pengabdian diri hanya kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan Sunnah baginda Rasulullah SAW, serta meninggalkan segala apa yang dilarang mahupun apa yang ditegah. Khatib turut mengingatkan kepada jemaah agar terus istiqamah mendengar serta menghayati khutbah yang disampaikan tanpa melakukan perkara yang sia-sia seperti bercakap-cakap mahupun bermain telefon bimbit.

Bersempena dengan program Kota Sufi Sabah yang bermula hari ini bersamaan 22hb Ogos sehinggalah 24hb Ogos anjuran Pejabat Mufti Negeri Sabah, maka khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk ***“Ilmu Tasawwuf Dan Kepentingannya Dalam Pembangunan Rohani Insan”***.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Sebelum khatib menerangkan lebih jauh tentang kepentingan ilmu Tasawwuf, marilah kita memahami terlebih dahulu maksud “Tasawwuf” itu sendiri. Tasawwuf adalah suatu ilmu penyucian jiwa (Tazkiyatun Nafs), mendidik hati agar cenderung kepada keikhlasan, khusyuk, tawaduk, zuhud, sabar dan sentiasa berasa dekat dengan Allah Rabbuljalil. Ilmu Tasawwuf juga dikenali sebagai ilmu Ihsan yakni peringkat tertinggi dalam agama selepas Islam dan Iman. Rasulullah SAW pernah bersabda dalam sebuah hadis Jibril yang masyhur berkaitan Islam, Iman dan Ihsan:

... قَالَ : فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ, قَالَ : أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ

يَرَاكَ.

Yang bermaksud : “...Malaikat Jibril bertanya lagi, Khabarkan kepada ku tentang Ihsan. Baginda Rasulullah SAW pun menjawab :“Ihsan itu adalah engkau beribadah kepada Allah SWT, seolah-olah engkau melihat-Nya. Andai engkau tidak mampu melihat-Nya, maka yakinilah bahawa Allah sentiasa melihatmu” (HR Muslim, no. 8)

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Ilmu Tasawwuf bukanlah suatu ilmu baharu, tetapi ia berakar daripada bimbingan Rasulullah SAW yang mendidik para sahabat dengan zikir, muraqabah, zuhud terhadap dunia serta mengikhlaskan hati beramal hanya kerana Allah SWT. Sebagai disiplin ilmu, Ilmu Tasawwuf mula dikenali pada abad ke-2 hijrah. Selepas zaman tabi'in, apabila umat Islam mula dipengaruhi kecintaan terhadap dunia, maka para ulama seperti al-Hasan al Basri (wafat pada 110H), Ibrahim bin Adham (Wafat 161H) dan al-Junaid al-Baghdadi (wafat 297H), mereka tampil menghidupkan ilmu penyucian rohani ini agar umat kembali kepada kesederhanaan, keikhlasan dan kecintaan kepada Allah SWT.

Manakala hukum mempelajari Ilmu Tasawwuf ini menurut para ulama Ahlus Sunnah Wal Jamaah adalah Fardu 'Ain pada aspek berkaitan "pembersihan hati" daripada sifat Mazmumah yakni sifat buruk atau keji. Keperluan penyucian jiwa terhadap seseorang Muslim adalah wajib. Hal ini turut ditegaskan oleh Imam al-Ghazali menerusi nukilannya dalam **kitab "Ihya 'Ulumuddin"** yang bermaksud: *"Tasawwuf itu adalah fardu 'ain kerana tidak seorang pun yang terlepas daripada penyakit hati (yakni penyakit keji) kecuali para Nabi. Maka mengenali penyakit hati dan cara mengubatnya adalah wajib ke atas setiap muslim"*. Allah SWT turut menegaskan menerusi surah as-Syams, ayat 9-10:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ۖ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿٩﴾

Yang bermaksud: *"Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya sedia bersih, bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), dan Sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya Yang sedia bersih itu, susut dan sirna kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)"*.

JEMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Tasawwuf mendidik hati manusia agar berlaku ikhlas, rendah diri, sabar dan bertakwa. Tanpanya, ibadah kita mungkin sekadar ritual kosong tanpa ruh. Allah SWT berfirman pada awal surah al-Baqarah, ayat 2:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Yang bermaksud : *"Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa"*

Ayat tersebut menjelaskan bahawa kalimah "Huda" yakni petunjuk hanya akan berkesan apabila hati disucikan melalui aktiviti pembersihan dan penyucian. Kedua-dua aktiviti ini adalah intisari utama dalam ilmu

Tasawwuf.

Justeru itu, khatib ingin menjelaskan betapa pentingnya untuk kita mempelajari ilmu Tasawwuf dalam masyarakat khususnya umat Islam di Sabah ini seperti berikut :

Pertama: Ilmu Tasawwuf dapat membentuk masyarakat berakhlak mulia. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadisnya **yang bermaksud** : *“Orang Mukmin yang paling sempurna Imannya adalah yang paling baik akhlaknya”*. (HR.Abu Dawud, No.4682).

Kedua: Menjadi benteng diri daripada melakukan maksiat atau gejala sosial. Allah SWT berfirman dalam surah al-Hadid, ayat 4:

... وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٤﴾

Yang bermaksud: *“...Dan Ia (yakni Allah) tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada, dan Allah Maha melihat akan apa yang kamu kerjakan”*.

Ketiga: Mewujudkan perpaduan dan ukhuwah. Rasulullah SAW bersabda **yang bermaksud:** *“Janganlah kamu saling dengki mendengki, jangan saling benci membenci, jangan saling bermusuhan, dan jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara “*. (HR. Muslim, no.2563)

Keempat: Menyuburkan budaya ilmu dan zikrullah. Rasulullah SAW bersabda **yang bermaksud:** *“Dan tidaklah satu kaum itu berkumpul di rumah-rumah Allah (masjid) sambil membaca al-Quran dan mempelajarinya sesama mereka, melainkan turun kepada mereka ketenangan, diliputi Rahmat, dikelilingi para Malaikat dan Allah SWT menyebut mereka di sisi-Nya”*. (HR. Muslim, no.2699)

Manakala yang **Kelima: Menyokong pembangunan Negara Madani.**
Allah SWT berfirman menerusi surah ar-Ra'd, ayat 11:

...إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ...

Yang bermaksud : “.... Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada suatu Kaum, sehinggalah mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri ...”

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Tasawwuf adalah jalan untuk memperelok akhlak dan menyucikan jiwa. Tanpanya, pembangunan rohani individu mahupun masyarakat tidak akan sempurna. Rasulullah SAW dalam sebuah hadis Sahih daripada Abu Hurairah R.A menjelaskan :

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia“. (HR. Ahmad,8952)

Maka marilah kita bersama-sama mempraktikkan ilmu Tasawwuf dalam kehidupan seharian, agar lahir masyarakat yang beriman, berakhlak bersatu padu dan diberkati Allah SWT. Khatib juga, turut menyeru kepada para jemaah sekalian, marilah kita menyokong sepenuhnya program Kota Sufi Sabah kali ini.

Program ini akan diisi dengan majlis-majlis Ilmu seperti acara Maulid, Zikir, Tazkirah, Forum dan sebagainya. Program yang dapat mengumpul para ‘alim ulama, “Mursyid”, guru dan “Asatizah” Nusantara mahupun daripada negara lain sangat sukar untuk dilepaskan. Dengan tema “**Tasawwuf Sejati: Manhaj Islah Dan Peradaban Insan**”, program hari ini akan bermula di Kundasang, dan penutupnya di Masjid Bandaraya Kota Kinabalu pada 24hb Ogos 2025 bersamaan hari Ahad. Kaum muslimin

muslimat dijemput untuk mengimarahkan majlis-majlis ilmu yang berdekatan dengan anda. Mari kita renungi firman Allah SWT dalam surah ar-Ra'd, ayat 28:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Yang bermaksud: "(lailu) orang-orang Yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia"

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami

mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127)/ jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.